



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

**Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit
(Pemerbadanan) (Pindaan) 1982**

DR.2/1982

Naskhah sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Pemerbadanan) 1976.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Pemerbadanan) (Pindaan) 1982 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tajuk
ringkas
dan mula
berkuat-
kuasa.

2. Seksyen 2 Akta Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Pemerbadanan) 1976, yang dalam Akta ini disebut "Akta ibu", adalah dipinda dengan—

Pindaan
seksyen 2.
Akta 179.

(a) memotong perkataan "hidup" dalam takrif "buah kelapa sawit hidup" yang terdapat di dalamnya;

(b) memasukkan selepas sahaja takrif "kelapa sawit" yang terdapat di dalamnya, takrif baru yang berikut:

“keluaran kelapa sawit” ertinya apa-apa keluaran yang didapati terus dari kelapa sawit dan termasuk minyak kelapa sawit, isirong kelapa sawit, hampas isirong kelapa sawit, asid lemak kelapa sawit, biji kelapa sawit dan anakbenih kelapa sawit;”

- (c) memasukkan selepas sahaja takrif “keluaran kelapa sawit” yang terdapat di dalamnya dengan takrif baru yang berikut:

“ketua eksekutif” ertinya ketua eksekutif yang dilantik di bawah seksyen kecil (1) seksyen 7;”;

- (d) menggantikan takrif “minyak kelapa sawit” yang terdapat di dalamnya dengan yang berikut:

“minyak kelapa sawit” ertinya minyak, sama ada dalam bentuk mentah atau telah diproses, yang dikeluarkan dari buah kelapa sawit atau biji kelapa sawit;” dan

- (e) memotong takrif “minyak kelapa sawit separuh diproses” yang terdapat di dalamnya.

Meng-
gantikan
perkataan-
perkataan
“minyak
kelapa
sawit” yang
terdapat
dalam
beberapa
seksyen
dengan
perkataan-
perkataan
“keluaran
kelapa
sawit”.

Pindaan
seksyen 11.

3. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “minyak kelapa sawit” di mana jua ia terdapat dalam perenggan-perenggan (c), (d) dan (e) seksyen 11, perenggan-perenggan (e) dan (f) seksyen kecil (1) seksyen 12, seksyen 26, seksyen 27, seksyen 28, seksyen 29, seksyen 30, seksyen 31 dan seksyen-seksyen kecil (1) dan (2) seksyen 32 dengan perkataan-perkataan “keluaran kelapa sawit”.

4. Seksyen 11 Akta ibu adalah dipinda dengan—

- (a) menggantikan perkataan-perkataan “buah kelapa sawit hidup, minyak kelapa sawit dan isirong kelapa sawit, dan pengilangan buah kelapa sawit hidup” yang terdapat dalam perenggan (a) dengan perkataan-perkataan yang berikut:

“keluaran kelapa sawit, dan pengilangan buah kelapa sawit”; dan

- (b) menggantikan perkataan-perkataan “buah kelapa sawit hidup, minyak kelapa sawit dan isirong kelapa sawit” yang terdapat dalam perenggan (b) dengan perkataan-perkataan “keluaran kelapa sawit”.

5. Seksyen kecil (3) seksyen 12 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perenggan (b) dengan yang berikut: Pindaan seksyen 12.

“(b) menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa, yang boleh terdiri daripada atau termasuk orang-orang yang bukan ahli Lembaga untuk menasihati atau membantu Lembaga atas hal-hal mengenai kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipannya sebagaimana yang ia fikirkan perlu; dan Lembaga boleh mewakili, tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan sebagaimana yang dikenakan, mana-mana daripada kuasa dan kewajipannya (melainkan kuasa untuk membuat peraturan-peraturan atau perintah-perintah) sebagaimana yang difikirkan perlu kepada mana-mana daripada jawatankuasa itu, dan apa-apa tindakan atau keputusan yang dibuat oleh jawatankuasa menurut perwakilan itu hendaklah disifatkan sebagai tindakan atau keputusan Lembaga.”.

6. Seksyen 13 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong seksyen kecil (6) daripadanya. Pindaan seksyen 13.

7. Seksyen 16 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “minyak kelapa sawit dan isirong kelapa sawit” yang terdapat dalam seksyen-seksyen kecil (1) dan (2) dengan perkataan-perkataan “keluaran kelapa sawit”. Pindaan seksyen 16.

8. Seksyen 23 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja perkataan “kereta” yang terdapat dalam baris sepuluh dengan perkataan-perkataan “, buku, dokumen atau barang-barang lain”. Pindaan seksyen 23.

9. Seksyen kecil (1) seksyen 25 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “menyita apa-apa barang yang dijumpai di dalamnya yang berkenaan dengannya ada atau telah ada pelanggaran itu dan apa-apa buku atau dokumen” dengan perkataan-perkataan yang berikut: Pindaan seksyen 25.

“boleh, jika setelah diperiksa ia mempunyai sebab yang munasabah bagi mempercayai bahawa kenderaan itu digunakan atau telah digunakan

bagi pelanggaran terhadap Akta ini, menyita kenderaan itu dan apa-apa buku, dokumen atau barang-barang lain yang dijumpai di dalamnya”.

Pindaan
seksyen 29.

10. Seksyen 29 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “dua” yang terdapat dalamnya dengan perkataan “enam”.

Pindaan
seksyen 33.

11. Seksyen 33 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “sepuluh peratus” yang terdapat di dalamnya dengan perkataan-perkataan “suatu contoh yang isipadu atau beratnya tidak melebihi sepuluh peratus”.

Pindaan
seksyen 41.

12. Seksyen 41 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “di bawahnya” yang terdapat di dalamnya, dengan perkataan-perkataan “di bawah Akta ini”.

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Pemerbadanan) 1976.

2. *Fasal 2*, selain daripada mengemukakan dua takrif baru iaitu, takrif-takrif “keluaran kelapa sawit” dan “ketua eksekutif”, juga memperuntukkan takrif baru bagi “minyak kelapa sawit”. Tambahan pula *Fasal 2* bertujuan memotong perkataan “hidup” dalam takrif “buah kelapa sawit hidup” dan memotong takrif “minyak kelapa sawit yang separuh diproses”.

3. *Fasal 3 dan 4* bertujuan meminda seksyen 11 dan 12 dan seksyen 26 hingga 32. Ini ialah dengan tujuan untuk memperluaskan lagi bidang tugas-tugas Lembaga. Dengan pindaan-pindaan ini, tugas-tugas Lembaga sekarang akan meliputi “keluaran kelapa sawit”, dan “keluaran kelapa sawit” telah diberi takrif yang luas (*lihat Fasal 2*). Pada masa ini aktiviti-aktiviti Lembaga dari segi keluaran-keluaran adalah terbatas hanya kepada buah kelapa sawit, isirong kelapa sawit dan minyak kelapa sawit.

4. *Fasal 5* bertujuan menggantikan perenggan (b) seksyen 12 (3) dengan peruntukan baru. Peruntukan baru ini membolehkan Lembaga menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkan perlu dan mewakilkan kepada jawatankuasa itu mana-mana kuasa dan kewajibannya (melainkan kuasa untuk membuat peraturan-peraturan dan perintah-perintah) yang difikirkan perlu.

5. *Fasal 6* bertujuan memotong seksyen kecil (6) seksyen 13 kerana memandangkan seksyen 12 (3) (b) baru, kini seksyen kecil ini tidaklah perlu lagi.
6. *Fasal 7* bertujuan meminda seksyen 16. Pindaan-pindaan itu membolehkan Lembaga mengenakan ses atas keluaran kelapa sawit. Pada masa ini Lembaga boleh mengenakan ses hanya atas minyak kelapa sawit dan isirong kelapa sawit.
7. *Fasal 8* bertujuan meminda seksyen 23. Sebagaimana yang belum dipinda, seksyen itu memberikuasa kepada seseorang Majistret, dalam mengeluarkan waran gelidah, hanya membenarkan disita mana-mana kereta yang dipercayai dengan munasabah sebagai memberi keterangan mengenai kesalahan yang dilakukan di bawah Akta. Sebagaimana yang telah dipinda, seksyen itu sekarang memberikuasa kepada Majistret untuk membenarkan disita apa-apa buku, dokumen atau barang-barang lain juga.
8. *Fasal 9* bertujuan meminda seksyen kecil (1) seksyen 25. Pada masa ini seseorang pegawai penguatkuasa adalah diberi kuasa untuk menahan dan memeriksa sesuatu kenderaan jika pegawai itu mempunyai sebab untuk mensyaki tentang berlakunya sesuatu kesalahan di bawah Akta. Tetapi ia hanya boleh menyita barang-barang (termasuk buku-buku dan dokumen-dokumen) yang dijumpai dalam kenderaan itu: ia tidak mempunyai kuasa untuk menyita kenderaan itu. Seksyen kecil itu sebagaimana yang dipinda memberi kuasa kepada pegawai untuk menyita kenderaan itu juga.
9. *Fasal 10* bertujuan meminda seksyen 29. Dengan pindaan ini, had masa bagi pendakwaan kesalahan-kesalahan di bawah Akta adalah dilanjutkan dari dua bulan ke enam bulan.
10. *Fasal 11* bertujuan meminda seksyen 33. Pada masa ini, bagi maksud menguji dan memeriksa minyak kelapa sawit yang disita, seksyen itu menghendaki pencerakin menguji dan memeriksa sekurang-sekurangnya sepuluh peratus daripada minyak kelapa sawit itu. Dengan pindaan-pindaan itu, adalah mencukupi bagi pencerakin menguji dan memeriksa contoh-contoh yang kurang daripada sepuluh peratus daripada minyak kelapa sawit yang disita.
11. *Fasal 12* bertujuan meminda seksyen 41. Tujuan pindaan ini adalah untuk membolehkan Menteri membuat peraturan-peraturan yang memperuntukkan bagi pengkompaunan kesalahan-kesalahan, sama ada yang dilakukan di bawah Akta atau di bawah perundangan kecil yang dibuat di bawah Akta. Kini kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan yang memperuntukkan bagi pengkompaunan kesalahan-kesalahan adalah terhad hanya kepada kesalahan-kesalahan di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 41.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1037.]